

BIMBINGAN DAN PEMENTORAN PEMBIMBING PAKAR PENINGKATAN SEKOLAH (SISC+) MENURUT PERSPEKTIF GURU DIBIMBING (GDB)

TEACHER'S PERSPECTIVE ON COACHING AND MENTORING OF SCHOOL IMPROVEMENT SPECIALIST COACHES PLUS (SISC+)

Wong Su Huong¹
Nur Ain Elzira Binti Abdullah²

^{1,2} Pejabat Pendidikan Daerah Kapit, Tingkat 1 & 2, Wisma Persekutuan, 96800 Kapit, Sarawak, Malaysia.

Accepted date: 6 May 2018

Published date: 1 July 2018

To cite this document: Huong, W. S., & Abdullah, N. A. E. B. (2018). Bimbingan dan Pementoran Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) Menurut Perspektif Guru Dibimbing (GDB). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(13),57-72.

Abstrak: Kajian berbentuk deskriptif ini dilakukan secara tinjauan melalui soal selidik ke atas guru-guru yang terlibat dengan bimbingan dan pementoran SISC+ di empat buah sekolah menengah di daerah Kapit, Sarawak untuk mencapai objektif-objektif yang dinyatakan. Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau bimbingan dan pementoran SISC+ dalam Program Transformasi Sekolah dari perspektif GDB. Seramai 77 guru daripada empat buah sekolah menengah di daerah Kapit telah menjadi responden kajian ini dengan menjawab borang soal selidik yang telah disediakan. Data dikumpul secara kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 20.0. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perspektif GDB terhadap profesionalisme SISC+ adalah positif dan terdapat hubungan yang signifikan antara perspektif guru dibimbing dengan amalan bimbingan SISC+. Dapatan ini jelas menunjukkan program bimbingan dan pementoran SISC+ telah diterima baik oleh guru dibimbing di sekolah. Kajian lanjutan yang lebih terperinci boleh dilakukan oleh penyelidik terhadap pelaksanaan Program Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) bagi melihat keberkesanan program tersebut dalam mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kata Kunci: GDB, SISC+, Perspektif Guru, Amalan Bimbingan

Abstract: This descriptive study was carried out through a survey to achieve the objectives set out. Questionnaire was given to collect data from the teachers involved with the coaching and mentoring of SISC+ programme in four secondary schools in Kapit district, Sarawak. The study was aimed to investigate the teacher's perspective towards the coaching and mentoring by SISC+ under the School Transformation Programme. A total of 77 teachers from four secondary schools in Kapit district were selected as respondents and answered a questionnaire prepared. The quantitative data collected and analyzed descriptively using the software Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20.0. The findings showed that the

teacher's perspective on SISC+ professionalism was positive, thus the relationship between teacher's perspective and coaching practices implemented by SISC+ were significantly high. Finally, the findings clearly showed that the coaching and mentoring of SISC+ programme is well accepted by school teachers. A more detailed study can be done by researchers on the implementation of the School Improvement Specialist Coach Plus (SISC+) Programme to look for the effectiveness of the program in achieving the goals set by Malaysian Education Ministry.

Keywords: *GDB, SISC+, Teache's Perspective, Coaching Practices*

Pendahuluan

Dalam mengejar arus pemodenan negara kita sedang pesat mengalami perubahan dan pembangunan dalam bidang ekonomi, politik, kemasyarakatan dan kemanusiaan. Pembangunan modal insan merupakan aset yang paling bernilai dan dititikberatkan di Malaysia kerana pembangunan modal insan merupakan penentu bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan rakyat yang berpengetahuan, berketrampilan dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan negara maju. Oleh itu, guru memainkan peranan yang sangat penting sebagai agen perubahan dalam masyarakat. Guru perlu menerima perubahan dan transformasi terkini dan berusaha meningkatkan profesionalisme guru sungguhpun perubahan itu merupakan satu cabaran bagi semua guru.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 inisiatif Program Transformasi Daerah telah dibangunkan untuk memberi tumpuan kepada sekolah berprestasi rendah bagi memacu prestasi sekolah dengan sasaran yang perlu dicapai dari segi kualiti, ekuiti dan akses secara jelas. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan sokongan yang secukupnya kepada pengetua dan guru besar untuk membantu mereka meningkatkan prestasi sekolah menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Justeru itu, kementerian telah melakukan ANJAKAN YANG KEENAM (6), iaitu mengupayakan JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan bagi membantu pihak sekolah mengenal pasti punca utama isu dan cabaran bagi peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Kualiti Guru merupakan salah satu anjakan strategik dalam visi sistem pendidikan dan aspirasi murid dalam PPPM di bawah cadangan Transformasi Keguruan Sebagai Profesion Pilihan. Guru sebagai agen pelaksana dasar-dasar kerajaan perlu ditransformasikan seiring dengan keperluan sistem pendidikan baharu ini di mana sekolah perlu ditransformasikan. Bagi tujuan ini, satu kerangka sokongan dan intervensi yang menjurus kepada sekolah, KPM telah menyediakan satu penyelesaian dengan mewujudkan jawatan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (*School Improvement Specialist Coaches* atau SISC+) mulai 2014 dan sekarang juga dikenali sebagai Pakar Pedagogi di Pejabat Pendidikan Daerah untuk memberi sokongan kepada sekolah.

Program bimbingan dan pementoran tersebut bertujuan untuk menjadikan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru berkenaan menjadi lebih menarik, efektif, kreatif dan inovatif seiring dengan perkembangan semasa iaitu mengamalkan pembelajaran abad ke-21. Hal ini demikian kerana kemahiran guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting supaya setiap objektif yang ditetapkan dapat dicapai pada akhir sesi pembelajaran. Program ini merupakan satu kesinambungan yang berterusan bagi memastikan

mereka sentiasa berada pada landasan yang betul untuk menghasilkan satu sesi pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan sungguhpun semua guru telah didedahkan kemahiran tersebut dalam latihan guru yang lepas.

Pernyataan Masalah

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pengajaran yang berkesan akan mempengaruhi kejayaan dan pencapaian seseorang murid (Marzano, Pickering & Pollock, 2001). Mengikut Saemah dan Zamri (2016), kecemerlangan dan kejayaan seseorang murid adalah berhubung kait dengan pengetahuan, keupayaan, kemahiran dan kreativiti guru serta keberkesanan pembelajaran berasaskan aktiviti dalam bilik darjah. Justeru, penyeliaan merupakan satu usaha yang perlu untuk mendorong, menyelaras dan membimbing guru dalam proses PdPc seperti yang dinyatakan oleh Al Ramaiah (1999) dalam Sarabiah Jusoh dan Zamri Mahamod (2016). Namun, kebanyakan guru menghadapi kesukaran di mana mereka tidak berupaya menentukan kaedah dan pendekatan pengajaran yang sesuai dalam proses PdPc. Malah terdapat rungutan atau keluhan daripada guru-guru menyatakan mereka menghadapi isu atau masalah terutamanya dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21. Hal ini demikian kerana guru berkenaan perlu melakukan pengorbanan yang besar dari segi tenaga dan masa dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21.

Bimbingan PdPc perlu dilaksanakan untuk memastikan PdPc guru menjadi lebih menarik dan berkesan seterusnya dapat meningkatkan prestasi murid. Othman Mohamed (2000) menyatakan bimbingan merupakan sebahagian proses untuk membantu seseorang untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Ketidakhahaman dan ketidakjelasan terhadap bimbingan yang dilaksanakan oleh SISC+ memberi persepsi yang negatif bahawa SISC+ seolah-olah datang ke sekolah untuk mencari kesilapan guru. Hal ini demikian kerana kebanyakan guru yang veteran telah berada dalam zon yang selesa dan mereka tidak berkeinginan untuk berubah mengikut sistem pendidikan yang baharu di mana perlunya melengkapkan diri dengan pedagogi abad ke-21. Zamri (2016) menyatakan bahawa bimbingan yang sistematik dan konsisten dapat mengubah sikap guru dibimbing dan menjadikan PdPc guru itu lebih berkesan dan menarik. Faktor hubungan dan komunikasi yang dibina antara SISC+ dengan guru dibimbing (GDB) adalah berkait rapat dengan masalah sikap tersebut. Kesefahaman dan persetujuan hanya dapat dicapai antara SISC+ dan GDB melalui komunikasi yang berkesan. Komunikasi interpersonal yang berkesan membolehkan seseorang itu menyampaikan maklumat secara lisan atau tidak lisan untuk mempengaruhi tingkah laku orang lain dan seterusnya mempengaruhi perspektif individu terhadap kita.

Setiap program yang dilaksanakan perlu mendapat maklum balasnya berdasarkan persepsi atau tanggapan klien yang terlibat secara langsung dalam program berkenaan. Program bimbingan dan pementoran SISC+ merupakan satu program yang boleh dikatakan baru dan tidak banyak kajian yang menyeluruh dan terperinci dilakukan mengenainya. Guru dibimbing merupakan fokus sasaran utama dalam program bimbingan dan pementoran SISC+, maka perspektif mereka terhadap program tersebut amat diperlukan demi mengelakkan berlakunya ketidakhahaman tentang bimbingan dan gangguan proses PdPc.

Tambahan pula, kecemerlangan akademik murid sering dikaitkan dengan keberkesanan pengajaran guru dan juga gaya pembelajaran seseorang murid. Berdasarkan data pencerapan pengajaran dan pembelajaran guru pada tahun 2016 di empat buah sekolah menengah di daerah Kapit, didapati guru yang mencapai tahap yang cemerlang (12.2%) dan baik (79.6%) adalah

sangat tinggi. Pencapaian tahap yang begitu baik dalam pencerapan pengajaran dan pembelajaran di sekolah sepatutnya menyumbang keputusan yang baik dalam peperiksaan SPM. Namun begitu, keputusan SPM 2016 daerah Kapit hanya mencatat GPS 5.93 sahaja. Maka, muncullah persoalan mengenai adakah keberhasilan murid berkait rapat dengan keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan seseorang guru.

Walaupun terdapat kajian lepas mengenai bimbingan SISC+ yang dijalankan oleh Sarabiah & Zamri (2016) dan kajian Noel Jimbai & Zamri (2017), namun kajian mereka adalah berfokus kepada guru Bahasa Melayu yang dibimbing di daerah tertentu sahaja. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Mohd Hilmi & Jamil (n.d) tentang persepsi guru terhadap program SISC+. Dapatan kajian mereka belum dapat digeneralisasikan kepada semua guru yang dibimbing di daerah lain.

Timbul pelbagai persoalan, apakah persepsi guru dibimbing terhadap pelaksanaan program bimbingan dan pementoran SISC+ dan amalan bimbingan SISC+. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memperoleh maklumat tentang perspektif guru dibimbing tentang profesionalisme SISC+ serta menilai amalan bimbingan dan pementoran yang dilaksanakan oleh SISC+ di Daerah Kapit, Negeri Sarawak.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meninjau proses bimbingan dan pementoran yang diberikan oleh SISC+ dalam Program Transformasi Sekolah dari perspektif GDB. Objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

- (a) Meninjau perspektif guru dibimbing tentang profesionalisme SISC+.
- (b) Mengenal pasti amalan bimbingan yang dilaksanakan oleh SISC+ terhadap guru dibimbing.
- (c) Mengenal pasti hubungan antara perspektif guru dibimbing dengan amalan bimbingan SISC+.


Skop Kajian

Kajian ini hanya melibatkan guru di empat buah sekolah menengah yang pernah dibimbing atau sedang dibimbing dalam tempoh 2014 hingga 2017 sekitar daerah Kapit supaya dapat melihat amalan bimbingan dan pementoran SISC+ yang telah dilaksanakan di daerah Kapit. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada guru sekolah menengah di daerah Kapit memandangkan daerah Kapit merupakan antara 10 daerah yang diberi prioriti oleh JPN dalam pencapaian keputusan SPM di negeri Sarawak. Fokus kajian ini hanya tertumpu kepada aspek bimbingan oleh SISC+ dalam program bimbingan dan pementoran SISC+ kepada guru dibimbing yang terlibat sahaja. Pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini hanya terbatas mengikut tujuan yang telah ditentukan oleh pengkaji seperti yang telah dinyatakan dalam objektif kajian. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan di sekolah rendah di daerah Kapit mahupun sekolah di daerah lain di seluruh Malaysia.

Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada aspek bimbingan pengajaran SISC+ dalam aspek perancangan pengajaran, penyampaian, penilaian, semakan dan refleksi. Dalam kajian ini, kerangka konsep adalah berdasarkan beberapa model bimbingan dan pengajaran yang dipilih dan Teori Pemusatan Perseorangan oleh Carl Rogers (1951) sebagai landasan teori kepada kajian ini. Model yang digunakan ialah Model GROW (2002), Model Pengajaran Robert Glaser (1962),

Model Pengajaran Sim, Model Pengajaran Le Francois (1992) dan Model Kerangka Pengajaran Danielson (2007). Berdasarkan teori dan model-model pengajaran tersebut, maka satu kerangka konsep dibentuk bagi menunjukkan perspektif guru terhadap amalan bimbingan dan pementoran SISC+ dalam peningkatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dibentuk berdasarkan model dan teori yang dibincangkan di atas dan digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1: Kerangka konseptual Kajian

Sorotan Karya

Sejarah *Coaching* bermula apabila ia diaplikasikan dalam bidang sukan tenis dan ski, kemudian konsepnya digunakan dalam bidang perniagaan dan seterusnya diaplikasikan dalam bidang pendidikan (Whitmore, 2002). Menurut Tobias (1996), *coaching* dipinjam dari pengkhususan lain seperti kaunseling, psikologi, perundingan dan pembelajaran dalam pendidikan. Kajian mengenai *coaching* sebagai alat untuk menyelesaikan pencapaian prestasi rendah peperiksaan bagi golongan lepasan sekolah merupakan salah satu kajian awal dalam pendidikan (Passmore, 2007). Kajian mengenai *coaching* diteruskan dan dikembangkan penggunaannya setelah mendapati *coaching* dapat membantu dalam meningkatkan budaya kepimpinan bagi menghasilkan pemimpin pendidikan yang mampu menyumbang secara kolektif dalam institusi pendidikan secara berterusan (Leithwood & Jantzi, 1999). Di samping itu, *coaching* juga dapat meningkatkan keupayaan, kemahiran dan pencapaian malah juga dapat mempertingkatkan motivasi serta kepuasan bekerja bagi seseorang individu (Fielden, 2005).

Pelbagai definisi berkaitan dengan *coaching* telah diberikan menjelang tahun 2000. Tim Gallwey (1996) menyatakan *coaching* adalah menyerlahkan keupayaan seseorang individu untuk mencapai prestasi yang maksimum dan juga membantu individu berkenaan untuk belajar dan bukannya mengajar mereka. Kemudian Tim Gallwey memperkenalkan semula konsep ini dalam bukunya '*The Inner Game*' (Whitmore, 2002) dan ini adalah selaras seperti apa yang diketengahkan oleh Socrates 2000 tahun yang dahulu:

"Aku tidak boleh mengajar sesiapa apa-apa pun, aku hanya mampu membuat mereka berfikir"

-Socrates (Elijah Freiman, 2014)

Menurut Robertson (2008), *coaching* adalah satu ikatan antara *coach* dan klien yang komited untuk membantu antara satu sama lain dalam pembangunan dan kesejahteraan pembelajaran kepimpinan masing-masing. Manakala, Thomas Crane (2002) pula mendefinisikan *coaching*

sebagai pembolehubah yang positif untuk membangunkan potensi individu untuk menyelesaikan masalah yang muncul. Amalan *coaching* memberi sokongan kepada individu lain bagi membantu untuk menerangkan dan mencapai matlamat kerana proses ini memberi impak ke atas visi dan nilai seseorang individu di samping menyediakan sokongan padu kepada mereka untuk mencipta semula jati diri, mencungkil pemikiran dan tingkah laku mereka yang diperlukan serta konsisten dengan apa yang mereka ingin capai (Hargrove, 2003).

Sir John Whitmore mempopularkan Model GROW. Pada dasarnya, model GROW diadaptasi daripada pendekatan Gerald Egan untuk kaunseling dan terapi yang digariskan di dalam buku '*The Skilled Helper*'. Model GROW adalah struktur yang tidak linear dengan empat bahagian iaitu matlamat, realiti, pilihan dan akan dilakukan (Whitmore, 2002). Model ini juga dianggap sebagai DNA kepada *coaching* (Wilson, 2011), asas *coaching* dan spesifik kerana memberi struktur menyokong *coaching* agar *coach* lebih efektif dengan kaedah yang diberikan dalam model ini (Shaker Mustafa, 2012)

Guru pembimbing didefinisikan dari segi hubungan yang berhierarki, di mana pembimbing lebih berpengalaman daripada guru, atau pembimbing berupaya membimbing guru memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam pengajaran mereka (Billet, 2003; Fowler & Gorman, 2005; Price & Chen, 2003 dalam Ahmad Zamri bin Khairani, Nordin bin Ab. Razak & Mohammad Zohir bin Ahmad@Shaari, 2012). Manakala, Smith (2007) dalam Ahmad et.al. (2012) menyatakan bahawa hubungan antara guru pembimbing dengan guru pelatih merupakan satu proses. Pembimbing bukan semata-mata memberi bimbingan sahaja, malah juga menanyakan soalan-soalan yang mencabar kepada guru supaya guru dapat memperoleh kemahiran mengajar itu dengan lebih bermakna. Namun begitu, Lai (2005) memberi definisi guru pembimbing dengan lebih terperinci. Beliau mentakrifkan guru pembimbing dalam tiga dimensi, iaitu perhubungan, perkembangan, dan kontekstual.

Peranan pembimbing dibahagikan kepada dua, iaitu sebagai model dan sebagai mentor. Dalam kajian Osunde (1996) dalam Ahmad Zamri et al. (2012) mendapati bahawa guru pelatih menjadikan guru pembimbing mereka sebagai '*role model*' terutamanya dari aspek pengurusan kelas, penguasaan mendalam dalam isi kandungan, membina hubungan yang mesra dengan murid, menentukan rutin harian dalam kelas serta keprihatinan terhadap murid. Sebagai mentor, guru pembimbing juga membina hubungan baik dengan guru-guru dalam perkhidmatan, membantu membuat penilaian dan refleksi sendiri berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab sebagai guru pelatih di samping mengekalkan minat dan komitmen sungguhpun berdepan realiti sebenar yang berkaitan dengan cabaran-cabaran terkini dalam profesion perguruan. Menurut kajian Jones (2000) dalam Ahmad et.al. (2012) mengatakan bimbingan guru berfungsi memberi sokongan dan bertindak sebagai teman kritikal yang memberi maklum balas yang membina. Manakala, menurut Muainah (2000) yang menyatakan tugas pensyarah pembimbing ialah memberi semangat, galakan dan keyakinan kepada guru pelatih agar mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru yang berkesan dalam pengajarannya.

Kajian Tinjauan Awal Persepsi *School Improvement Specialist Coach Plus* (SISC+): Perkembangan, Cabaran dan Ekspektasi yang dijalankan oleh Ng Kee Chuan dan rakannya mendapati bahawa ekspektasi guru yang dibimbing terhadap SISC+ adalah sangat tinggi. Dapatan tinjauan dari Ng Kee Chuan et. al. (2015) juga mendapati bahawa kurang perbincangan dan rujukan dilakukan oleh pentadbir sekolah dengan SISC+. Hal ini demikian kerana kebanyakan masa SISC+ telah diluangkan untuk berinteraksi atau bersemuka dengan guru

dibimbing secara langsung. Oleh itu, salah satu faktor yang boleh mempercepatkan transformasi pedagogi ialah dorongan dan sokongan daripada pihak pentadbir sekolah (Ng Kee Chuan et. al., 2015). Pentadbir sekolah perlu memainkan peranan untuk memberi galakkan dan dorongan positif kepada guru-guru yang dibimbing oleh SISC+ supaya dapat membantu dalam mentransformasikan sekolah terutamanya dalam aspek pedagogi. Di samping itu, pihak pentadbir juga disarankan supaya tidak memberi tekanan atau teguran negatif kepada guru-gurunya setelah berbincang dengan SISC+ kerana tindakan sebegini akan menjejaskan hubungan dan kepercayaan yang telah dibina antara guru dibimbing dengan pegawai SISC+.

Dalam kajian tinjauan Noel Jimbai & Zamri (2017), didapati penerimaan guru-guru Bahasa Melayu yang dibimbing oleh SISC+ di daerah Selangau, Sarawak terhadap bimbingan dan pementoran yang dilaksanakan adalah baik. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Sarabiah dan Zamri (2016) yang menunjukkan persepsi dan amalan SISC+ oleh guru-guru Bahasa Melayu di daerah Bangsar dan Pudu telah diterima dengan baik. Hasil dapatan membuktikan guru Bahasa Melayu telah mempunyai kesedaran tentang kepentingan menguasai kemahiran pedagogi ke arah keberhasilan murid. Kajian itu juga membuktikan bimbingan daripada guru pakar atau guru berpengalaman adalah perlu diberikan kepada guru novis atau baharu yang masih berada pada tahap yang rendah dalam kemahiran pedagogi.

Dalam Kajian Hilmi dan Jamil (n.d) mengenai persepsi guru terhadap program pembimbing pakar peningkatan sekolah (SISC+) mendapati tahap keberkesanan bimbingan pembimbing berada di tahap yang tinggi. Kemahiran yang dimiliki oleh SISC+ boleh mempengaruhi hasil pelaksanaan program bimbingan. Kemahiran pedagogi pengajaran juga penting dan perlu dikuasai oleh pembimbing kerana penguasaan kemahiran tersebut dapat membantu guru dalam meningkatkan keberhasilan murid. Dapatan kajian mereka menunjukkan keberkesanan pendekatan yang digunakan oleh SISC+ dapat membantu guru mengatasi isu atau masalah dalam proses PdPc melalui proses penyampaian bimbingan.

Kualiti pengajaran bermaksud keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran atau konsep atau kemahiran dengan jelas, tepat serta mudah difahami dan diingati oleh murid mahupun dapat menyeronokkan murid. Oleh itu, guru perlu menyampaikan isi pengajaran secara tersusun dan sistematik (Kallison, 1986) iaitu memeringkatkan isi pelajaran mengikut tahap keupayaan murid, menggunakan bahasa yang jelas dan mudah difahami (Land, 1987), penerangan konsep yang jelas, dengan memberi contoh-contoh yang berkaitan (Mayer & Gallini, 1994), penekanan kepada konsep serta isi-isi penting dan isi pelajaran itu dikaitkan dengan pengalaman murid yang lalu atau pengetahuan sedia ada murid dan situasi semasa (King & Menke, 1992), dan menggunakan bahan sumber pembelajaran yang relevan (BSP) bagi membantu dalam penerangan konsep serta merangsang pemikiran murid (Hiebert, Wearne & Taber, 1991; Kozma, 1991). Selain itu, objektif pelajaran hendaklah jelas, spesifik dan boleh diukur, isi kandungan adalah sesuai serta menepati topik dan pada akhir pelajaran, penilaian secara lisan atau bertulis perlu dilakukan oleh guru.

Metodologi

Memandangkan kajian ini adalah untuk mengkaji perspektif guru dibimbing terhadap proses bimbingan yang diberikan oleh SISC+ dalam Program Transformasi Sekolah, maka reka bentuk ini adalah berbentuk kajian kuantitatif bukan eksperimen iaitu reka bentuk tinjauan yang dijalankan dengan menggunakan analisis statistik. Kaedah kuantitatif memerlukan masa untuk menyediakan soal selidik, melakukan kajian rintis, mengedarkan borang dan menganalisis data-data numerikal. Namun, kajian ini telah menjimatkan banyak masa pengkaji memandangkan

kajian rintis tidak dijalankan dalam kajian ini kerana soal selidik yang digunakan adalah diadaptasi daripada kajian lepas dalam Sarabiah & Zamri (2016) di mana kesahan dan kebolehpercayaan instrumen sudah dikenal pasti dalam kajian lepas.

Populasi kajian adalah terdiri daripada semua guru sekolah menengah yang sedang dan yang pernah mengikuti Program Bimbingan SISC+ di empat buah sekolah menengah kebangsaan yang terletak di daerah Kapit, Sarawak bermula tahun 2014. Sampel kajian ini diambil daripada kalangan guru yang mengikuti Program Bimbingan SISC+ di empat buah sekolah menengah kebangsaan yang terletak di daerah Kapit. Memandangkan penyelidikan ini adalah berdasarkan pendekatan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik, maka kaedah pensampelan yang digunakan ialah pensampelan bertujuan di mana responden dipilih dalam kalangan guru yang dibimbing oleh SISC+. Seramai 85 orang guru di bawah program bimbingan dipilih secara rawak sebagai responden kajian untuk menjawab soalan soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 25 orang guru daripada SMK Kapit, SMK Kapit NO.2 dan SMK Selirik dan 10 orang guru daripada SMK Balleh yang dibimbing oleh SISC+.

Instrumen kajian yang digunakan diadaptasi daripada soal selidik yang dibina oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kluang yang bertajuk “Keberkesanan peranan pegawai SISC+ di Daerah Kluang, Johor” serta kajian “Tinjauan awal persepsi School Improvement Specialist Coach Plus (SISC+): Perkembangan, Cabaran dan Ekspektasi” yang dilaksanakan oleh Ng Kee Chuan et. al. dalam Sarabiah dan Zamri (2016). Instrumen ini terdiri daripada satu set borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mengenai demografi responden, bahagian B berkaitan dengan perspektif GDB terhadap profesionalisme SISC+ dan bahagian C berkaitan dengan amalan bimbingan SISC+. Sebanyak sembilan item digunakan untuk mengukur tahap perspektif guru dibimbing terhadap profesionalisme SISC+ dan 12 item untuk mengukur tahap amalan bimbingan SISC+. Instrumen kajian ini telah memperoleh kebolehpercayaan yang tinggi di mana *Alpha Cronbach* untuk bahagian B adalah 0.719 dan bahagian C adalah 0.776 dalam kajian Sarabiah & Zamri (2016).

Analisis Data

Sebanyak 85 borang soal selidik telah diedarkan ke empat buah sekolah menengah untuk mendapat maklum balas daripada responden kajian, hanya 77 borang soal selidik itu dikembalikan. Oleh itu, sampel dalam kajian ini terdiri daripada 77 responden guru yang pernah dan sedang dibimbing dalam program bimbingan SISC+ di empat buah sekolah menengah daerah Kapit. Data yang dikutip dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan skor min berasaskan pentaksiran oleh Nunnally dan Bernstein (1994). Oleh itu, pengkaji menginterpretasikan min perspektif guru dibimbing terhadap profesionalisme SISC+ dan amalan bimbingan SISC+. Ujian Korelasi Pearson, *r*, dijalankan dalam kajian ini untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan di antara perspektif GDB dengan amalan bimbingan SISC+. Skala kekuatan korelasi yang dicadangkan oleh Chua (2006) telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Dapatan Kajian

Tahap Perspektif GDB Terhadap Profesionalisme SISC+

Jadual 1 di bawah menunjukkan min bagi perspektif GDB terhadap profesionalisme SISC+ dalam program bimbingan dan pementoran yang telah dijalankan.

Jadual 1: Perspektif GDB terhadap Profesionalisme SISC+

Item Persepsi	Min	Sisihan Piawai	Tahap
SISC+ seorang pembimbing yang baik.	4.60	.544	Tinggi
SISC+ membina hubungan yang baik dengan guru yang dibimbing.	4.52	.576	Tinggi
SISC+ menghormati pandangan guru yang dibimbing.	4.52	.598	Tinggi
SISC+ sedia berkongsi pengalaman.	4.66	.503	Tinggi
SISC+ berkomunikasi secara terbuka.	4.64	.536	Tinggi
SISC+ berpengetahuan tinggi mengenai dasar pendidikan Malaysia.	4.49	.599	Tinggi
SISC+ berpengetahuan tinggi mengenai pedagogi.	4.56	.573	Tinggi
SISC+ sentiasa memberi ulasan yang membina terhadap PdPc guru dibimbing.	4.62	.539	Tinggi
SISC+ membimbing saya secara professional.	4.70	.515	Tinggi
Keseluruhan	4.59	.554	Tinggi

Sembilan item digunakan untuk mengukur konstruk perspektif GDB terhadap profesionalisme SISC+. Kesemua sembilan ciri-ciri yang ditunjukkan oleh SISC+ berada pada tahap yang tinggi dengan min melebihi 4.00. Antara ciri-ciri yang ditunjukkan oleh SISC+ yang memperoleh min yang tertinggi adalah dalam item SISC+ membimbing saya secara professional (min = 4.70, sp = .515). Kesemua item memperoleh min yang melebihi 4.50 kecuali item SISC+ berpengetahuan tinggi mengenai dasar pendidikan Malaysia iaitu dengan min 4.49 dan sisihan piawai .599. Secara keseluruhannya, perspektif GDB terhadap profesionalisme SISC+ adalah tinggi dengan min = 4.59 dan sp = .554.

Tahap Amalan Bimbingan Yang Dilaksanakan Oleh SISC+

Jadual 2 di bawah menunjukkan tahap amalan bimbingan SISC+.

Jadual 2: Amalan Bimbingan SISC+

Item Amalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
SISC+ membimbing saya menyediakan objektif pembelajaran berdasarkan model <i>SMART Goal</i> yang boleh diukur mengikut pelbagai aras keupayaan murid.	4.40	.674	Tinggi
SISC+ membimbing saya menyediakan RPH mengikut format yang lengkap.	4.52	.576	Tinggi
SISC+ membimbing saya merancang pengajaran berasaskan aktiviti.	4.47	.552	Tinggi
SISC+ membimbing saya teknik komunikasi yang berkesan.	4.48	.553	Tinggi
SISC+ membimbing saya cara untuk menarik tumpuan dan perhatian murid melalui penglibatan yang aktif.	4.52	.528	Tinggi

SISC+ membimbing saya teknik pengurusan bilik darjah yang berkesan.	4.48	.528	Tinggi
SISC+ membimbing saya menggunakan bahan sumber pembelajaran yang relevan.	4.35	.556	Tinggi
SISC+ membimbing saya meningkatkan pengetahuan kandungan subjek yang diajar.	4.44	.573	Tinggi
SISC+ membimbing saya meningkatkan teknik melaksanakan penilaian secara lisan yang berkesan.	4.42	.593	Tinggi
SISC+ membimbing saya meningkatkan teknik melaksanakan penilaian tugas murid dengan lebih sistematik.	4.40	.634	Tinggi
SISC+ membimbing saya membuat kesimpulan yang jelas berkaitan isi pelajaran.	4.49	.576	Tinggi
SISC+ membimbing saya membuat refleksi pembelajaran untuk penambahbaikan PdPc seterusnya.	4.51	.553	Tinggi
Keseluruhan	4.46	.575	Tinggi

Secara keseluruhannya, amalan bimbingan SISC+ dalam semua aspek mencatat min pada tahap tinggi. Min yang paling tinggi adalah dalam aspek SISC+ membimbing saya menyediakan RPH mengikut format yang lengkap (min = 4.52, sp = .576) dan SISC+ membimbing saya cara untuk menarik tumpuan dan perhatian murid melalui penglibatan yang aktif (min = 4.52, sp = .528). Min kedua tinggi adalah dalam aspek SISC+ membimbing saya membuat refleksi pembelajaran untuk penambahbaikan PdPc seterusnya (min = 4.51, sp = .553). Item SISC+ membimbing saya membuat kesimpulan yang jelas berkaitan isi pelajaran adalah rendah sedikit berbanding refleksi dengan catatan min = 4.49 dan sp = .576. Seterusnya diikuti dengan item SISC+ membimbing saya teknik komunikasi yang berkesan (min = 4.48, sp = .553) dan teknik pengurusan bilik darjah yang berkesan (min = 4.48, sp = .528). Selain itu, SISC+ membimbing saya merancang pengajaran berasaskan aktiviti (min = 4.47, sp = .552); membimbing saya meningkatkan pengetahuan kandungan subjek yang diajar (min = 4.44, sp = .573); membimbing saya meningkatkan teknik melaksanakan penilaian secara lisan yang berkesan (min = 4.42, sp = .593). Manakala, item SISC+ membimbing saya menyediakan objektif pembelajaran berdasarkan model *SMART Goal* yang boleh diukur mengikut pelbagai aras keupayaan murid dan item SISC+ membimbing saya meningkatkan teknik melaksanakan penilaian tugas murid dengan lebih sistematik telah mencatat min yang sama iaitu min = 4.40 dan sisihan piawai .674 dan .634 masing-masing. Item SISC+ membimbing saya menggunakan bahan sumber pembelajaran yang relevan memperoleh min yang paling rendah (min = 4.35, sp = .556). Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa semua elemen amalan bimbingan SISC+ berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan min 4.46 dan sp = .575.

Hubungan antara Perspektif GDB dengan Amalan Bimbingan SISC+

Bagi mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara perspektif guru dibimbing dengan amalan bimbingan SISC+ dalam program bimbingan dan pementoran SISC+, hubungan ini dianalisis dengan menggunakan ujian korelasi Pearson.

Jadual 3: Keputusan Ujian Korelasi Pearson bagi hubungan antara perspektif GDB dengan amalan bimbingan SISC+

Pemboleh ubah	Perspektif Guru Dibimbing r	Sig (p)	Hubungan
Amalan Bimbingan SISC+	0.731	.000	Kuat

* $p < 0.05$

Berdasarkan jadual 3 di atas, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara perspektif guru dibimbing dengan amalan bimbingan SISC+ iaitu $r = .731$, $p = .000$ ($p < .05$). Nilai r menunjukkan pekali korelasi secara positif pada tahap yang kuat. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara perspektif guru dibimbing dengan amalan bimbingan SISC+.

Perbincangan

Dapatan data kuantitatif telah menunjukkan perspektif guru dibimbing terhadap profesionalisme SISC+ adalah positif dengan jumlah min keseluruhan sebanyak 4.59 iaitu pada tahap yang tinggi. GDB bersetuju dengan mengatakan SISC+ merupakan seorang pembimbing yang baik dan dapat membina hubungan yang baik dengan guru yang dibimbing. Hal ini telah menggariskan bahawa SISC+ harus menjadi suri teladan atau *role model* kepada guru dibimbing dengan kehadiran mereka diharapkan dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan guru di sekolah. Dapatan ini juga sejajar dengan pernyataan yang dibuat oleh Dr Ng Kee Chuan (2015) dalam tinjauan awal persepsi SISC+ di mana SISC+ dilantik merupakan satu penyelesaian untuk memberi sokongan daripada PPD ke sekolah.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga menyokong kajian Osunde (1996) dalam Ahmad Zamri et al. (2012) yang menyatakan guru pelatih menjadikan guru pembimbing sebagai teladan dan guru pembimbing berperanan sebagai mentor untuk membina hubungan baik dengan guru-guru dalam perkhidmatan. Namun begitu, dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian lepas yang menyatakan berlakunya perselisihan antara guru pembimbing dengan guru pelatih kerana tidak wujudnya hubungan yang baik. Pegangan dan falsafah serta sifat prejudis antara satu sama lain telah menyebabkan hubungan yang negatif ini wujud (Graham, 1997 dalam Ahmad Zamri, 2012). Oleh demikian, hubungan antara SISC+ dan guru dibimbing perlu diberi tumpuan dalam kalangan penyelidik memandangkan program bimbingan dan pementoran SISC+ merupakan satu program yang baru dan hubungan ini masih sangat jarang dikaji oleh penyelidik. Justeru, peranan SISC+ dalam bimbingan dan pementoran perlu dikaji bagi melakukan penambahbaikan program bimbingan dan pementoran SISC+.

GDB beranggapan SISC+ mempunyai pengetahuan mengenai dasar pendidikan Malaysia di mana pegawai SISC+ sentiasa menyampaikan dan menyebarkan maklumat tentang dasar-dasar dan program kementerian serta memantapkan kualiti guru ke arah pembelajaran abad ke-21. Hal ini adalah bertepatan dengan maklum balas yang diberi oleh guru dibimbing di mana mereka bersetuju dengan sikap SISC+ dapat berkomunikasi dengan terbuka. Dapatan ini juga selari dengan dapatan Sarabiah & Zamri (2016) dalam kajian tanggapan bimbingan SISC+ dari perspektif guru Bahasa Melayu. Kajian ini juga menunjukkan sebilangan besar guru dibimbing bersetuju bahawa pegawai SISC+ mempunyai pengetahuan pedagogi yang tinggi dan dapatan

ini disokong oleh kajian lepas Sarabiah & Zamri (2016). Menurut Shulman (1986), memperkayakan PCK guru dengan menyepadukan pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi dari semasa ke semasa sehingga menghasilkan guru yang berkualiti merupakan salah satu penyelesaian yang mungkin boleh meningkatkan keberkesanan guru. Oleh itu, pengetahuan dalam aspek pedagogi adalah penting dan perlu dimiliki oleh SISC+.

Sungguhpun majoriti guru dibimbing bersetuju tentang pengetahuan pedagogi yang dimiliki dalam kalangan SISC+, namun masih terdapat tiga orang daripada 77 orang responden memberi maklum balas ketidakpastian dalam perkara ini. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian Hilmi dan Jamil (n.d.) mendapati persepsi guru terhadap kemahiran pedagogi SISC+ hanya berada pada tahap sederhana. Dapatan tinjauan Ng Kee Chuan (2015) juga mendapati 26% SISC+ berpendapat GDB tidak mengalu-alukan kehadiran SISC+. Hal ini demikian mungkin disebabkan GDB berasa kurang selesa apabila diperhatikan dan dibimbing. Keselesaan GDB diperhatikan semasa pengajaran bukan satu perkara yang mudah dicapai dan diterima oleh GDB. Oleh itu, SISC+ perlu mempertingkatkan kemahiran insaniah untuk menjalin hubungan yang baik dan mesra dengan GDB. Selain itu, kemahiran dan pengetahuan pedagogi adalah sangat penting dan perlu dimiliki dan dikuasai oleh SISC+ kerana impak penguasaan pedagogi dapat membantu GDB dalam meningkatkan keberhasilan murid (Hilmi & Jamil, n.d.).

Dapatan kajian menunjukkan amalan bimbingan SISC+ adalah pada tahap yang tinggi dalam kelima-lima komponen pengajaran dan pembelajaran iaitu perancangan, penyampaian, penilaian, semakan dan refleksi. Amalan bimbingan SISC+ berada pada tahap yang paling tinggi dalam komponen perancangan bagi aspek penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH). Ini menggambarkan pegawai SISC+ sangat mementingkan aspek perancangan dan persediaan pengajaran. Hal ini bertepatan dengan pendapat Danielson (2007) dalam Model Kerangka Pengajaran Efektif yang menyatakan domain utama untuk pengajaran ialah perancangan dan persediaan yang menjelaskan bagaimana seorang guru itu mereka bentuk pengajarannya. Namun demikian, dapatan ini tidak selaras dengan dapatan Ahmad et. al. (2012) yang mendapati guru pembimbing kurang memberi bimbingan dalam merangka pengajaran yang berkesan. Hal ini akan merugikan guru dibimbing memandangkan pegawai SISC+ merupakan pakar dalam pedagogi yang merangkumi aspek perancangan pengajaran. Mereka telah didedahkan dan jelas dengan format penulisan persediaan mengajar yang lengkap. Justeru itu, SISC+ perlu memainkan peranan dalam membimbing GDB untuk menyediakan RPH yang mengandungi objektif yang boleh diukur berdasarkan *SMART Goal* dan aktiviti pembelajaran yang sesuai seiring dengan pembelajaran abad ke 21, menentukan kaedah pentaksiran atau penilaian dalam PdPc dan menyediakan bahan sumber pembelajaran yang relevan mengikut pelbagai aras keupayaan murid dan peruntukan masa yang ditetapkan. Tambahan pula, kebelakangan ini kumpulan guru interim yang ditempatkan di sekolah tidak mempunyai pengalaman mengajar atau langsung tidak pernah didedahkan dengan kursus mengenai pedagogi. Oleh itu, pendedahan pedagogi melalui bimbingan daripada SISC+ diperlukan dalam membantu guru awalan ini untuk merancang pengajaran dengan baik.

Oleh sebab amalan bimbingan SISC+ adalah pada tahap yang tinggi dalam kelima-lima komponen pengajaran dan pembelajaran, maka adalah wajarnya SISC+ memberi perhatian dan bimbingan kepada kesemua komponen tersebut bagi meningkatkan kualiti guru dalam PdPc mereka. Pernyataan ini disokong oleh pendapat Noor Azlan & Lim (2011) yang menyatakan untuk mencapai keberkesanan dalam penyeliaan, seseorang penyelia perlu memerhati, menganalisis serta mentafsir pengajaran guru itu sendiri serta memberi fokus dalam aspek

bermula dari peringkat perancangan hingga ke peringkat refleksinya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan hubungan korelasi yang signifikan dan kuat antara perspektif guru dibimbing dengan amalan bimbingan SISC+. Ini menunjukkan GDB menerima bimbingan SISC+ dengan memberi maklum balas yang positif terhadap bimbingan yang diberi oleh pegawai SISC+. Bimbingan pegawai SISC+ dalam kesemua dua belas elemen pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan baik dan secara profesionalisme. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Hamdan & Rahimah (2011) yang mengkaji amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Melaka Tengah, Melaka. Kajian mereka mendapati persepsi guru terhadap penyeliaan yang dijalankan di sekolah kajian adalah positif dengan majoriti responden faham penyeliaan adalah perlu dilakukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran demi kecemerlangan akademik murid dan mereka bersetuju penyeliaan pengajaran perlu dijalankan terhadap semua guru. Hasil kajian ini juga sejajar dengan kajian Nor Asimah (2010) yang menyatakan guru pembimbing kerap memberi bimbingan dalam aspek persediaan mengajar, penyampaian isi pelajaran dan penilaian pengajaran serta peningkatan profesionalisme guru.

Sungguhpun begitu, dapatan kajian ini bercanggah dengan dapatan Siti Zohora et. al. (1998) yang menyatakan guru pembimbing tidak berjaya mewujudkan hubungan baik dengan guru pelatih kerana ketidaktelusan dan keikhlasan dalam memainkan peranan seorang mentor. Selain itu, dapatan kajian juga bertentangan dengan kajian Hamdan dan Nurlia (2011) mendapati bahawa keberkesanan amalan penyeliaan pengajaran dalam memperkukuhkan hubungan professional antara penyelia dan guru adalah kurang. Kajian tersebut mendapati bahawa proses penyeliaan menghadkan hubungan guru dengan penyelia. Natijahnya, pegawai SISC+ perlu mempunyai "*soft skill*" dan bijak memilih pendekatan bimbingan yang sesuai dengan kompetensi guru yang dibimbing. Kebijaksanaan dalam memilih pendekatan bimbingan yang sesuai dapat mewujudkan suasana perbincangan yang harmoni antara SISC+ dengan GDB dan seterusnya mencetuskan perasaan saling menghormati, mempercayai dan memahami antara satu sama lain.

Implikasi Kajian dan Cadangan

Kajian ini telah memberi gambaran yang jelas bahawa guru-guru yang dibimbing di daerah Kapit dapat menerima bimbingan dan pementoran daripada SISC+ dan ini memberi implikasi kepada GDB untuk mentransformasikan pengajaran mereka dengan hati yang terbuka. Dengan hubungan yang erat dan professional antara GDB dan SISC+ akan memberi impak yang besar terhadap peningkatan kualiti guru. Kajian ini juga memberi implikasi yang jelas dalam proses membimbing guru semasa bimbingan dan pementoran sedang berlangsung. Dalam program bimbingan dan pementoran, pegawai SISC+ perlu melaksanakan bimbingan terhadap GDB melalui tiga peringkat iaitu sebelum pengajaran, semasa pengajaran dan selepas pengajaran. Pelaksanaan sepenuh mengikut tiga peringkat ini amat perlu supaya kedua-dua pihak sama ada pegawai SISC+ dan GDB diberi peluang untuk memberi idea dan membuat refleksi pengajaran dalam aspek yang diperlukan untuk penambahbaikan. Pegawai SISC+ juga perlu mempunyai sikap yang terbuka dan bersedia memberi perkongsian pengalaman serta mengamalkan pendekatan bimbingan yang sesuai.

Sehubungan itu, kajian ini menyeru agar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) perlu melantik pegawai SISC+ yang betul-betul komited dalam tugas yang diberi agar dapat memberi komitmen yang sepenuhnya untuk menjayakan program

bimbingan dan pementoran ini. Diharap juga dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Guru dan Jabatan Pendidikan Negeri melaksanakan Perkembangan Profesionalisme Berterusan (CPD) kepada pegawai SISC+ dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemahiran dalam aspek pedagogi dan kemahiran membimbing dan mentoran dalam kalangan SISC+.

Kesimpulan

Berdasarkan perspektif GDB terhadap profesionalisme SISC+ dalam kajian ini, pengkaji menyimpulkan bahawa dalam proses memberi bimbingan, jika tercetus sebarang isu atau wujudnya percanggahan pendapat atau sebarang teguran, maka SISC+ harus menanganinya dengan bijak. Oleh yang demikian, SISC+ perlulah berperanan memberi pengaruh yang kuat kepada guru yang dibimbing dengan memahami dan menampilkan perilaku yang baik. SISC+ juga perlu menunjukkan sikap profesionalisme yang tinggi dengan mengikuti tatacara *coaching* yang sesuai kerana SISC+ akan menjadi model atau suri teladan dalam pembentukan guru yang berkualiti. Pembinaan *rapport* dari awal harus dilakukan oleh SISC+ untuk membina hubungan yang baik. Melalui hubungan yang baik, SISC+ mampu mendapatkan kepercayaan GDB kerana kepercayaan adalah asas kepada kerjasama dan saling memerlukan.

Rujukan

- Ahmad Zamri bin Khairani, Nordin bin Ab. Razak & Mohammad Zohir bin Ahmad@Shaari. (2012). Tugas dan tanggungjawab guru pembimbing dari perspektif guru pelatih, *Malaysian Education Deans' Council Journal*, pp. 13-21.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Crane, T. (2002). *The Heart of Coaching: Using Transformation Coaching to Create a High-Performance Coaching Culture*. San Diego, CA: FTA Press.
- Danielson, C. (2007). *Enhancing professional practice: A framework for teaching*. Alexandria, VA: ASCD.
- Elijah Freiman. (2014). *The Socratic Method – The new but old way to teach, and learn. Teach to Learn Foundation Inc.,*. Dicapai daripada <http://teach2learnfoundation.org/2014/03/06/socratic-method-teach-learn/>
- Fielden, S. (2005). *Literature review: coaching effectiveness – a summary*. NHS Leadership Centre, 23.
- Gallwey, T. (1986). *The Inner Game of Tennis*. London: Pans Book.
- Hamdan Said & Mohamad Nurlia. (2011). Penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi, Johor. *Journal of Science & Mathematics Education*. Pp.1-10.
- Hamdan Said & Rahimah Abdul Rasid. (2011). Amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Melaka Tengah, Melaka. *Journal of Science & Mathematics Education*. Pp. 1-9.
- Hargrove, R. (2003). *Masterful Coaching*. San Francisco, CA: Jossey-Bass/Pfeiffer.
- Hiebert, J. et. al. (1991). Fourth graders gradual constructions of decimal fractions during instruction using different representation. *Elementary School Journal*, 97, 301-341
- Kallison (1986). Effect of lesson organization achievement . *American Educational Research Journal*, 23, 337-347.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kuala Lumpur.
- King, D. & Menke, J. (1992). Providing the instructors note: An effective additional to student notetaking. *Educational Psychologist*, 20,33-39.
- Kozma, R. (1991). Learning *teaching* with media. *Review of Educational Research*; 1, 179

211.

- Lai, E. (2005). Mentoring for in-service teachers in a distance teacher education programme: Views of mentors, mentees and university teachers. Paper presented at the *Australian Association for Research in Education International Education Research Conference, Parramatta*.
- Land, M. L. (1987), Vagueness and clarity. Dalam Dunkin (Ed.), *International encyclopedia of and teacher education*. N.Y: Pergamon.
- Leithwood, K & Jantzi, D. (1999). The effects of transformational leadership on organizational conditions and student engagement with school. *Journal of Education Administration*. 38(2), 112-129.
- Marzano, R. J., Pickering, D. J. & Pollock, J. E. (2001). *Classroom instruction that works: Research-based strategies for increasing student achievement*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Mayer, R. A. (1994). When Is An Illustration Worth Ten Thousand Words. *Journal of Education Psychology*.
- Mohd Hilmi Anwa & Jamil Ahmad (n.d.). *Persepsi Guru Terhadap Program Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+)*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Dicapai daripada <https://sted2017.files.wordpress.com/2016/12/1-24-mohd-hilmi-anwa-jamil-ahmad.pdf>.
- Muainah Ismail. (2000). *Bimbingan guru pembimbing terhadap guru pelatih STP, UTM semasa menjalani latihan mengajar*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ng K. C., Choong L. K., Norizan A., Lam K. K., Siti M. (n.d.). *Tinjauan Awal Persepsi School Improvement Specialist Coach Plus (SISC+): Perkembangan, Cabaran dan Espektasi*. Dicapai daripada https://www.academia.edu/13583759/Tinjauan_Awal_Program_Rintis_School_Improvement_Specialist_Coach_Plus_SISC_Isu_dan_Cabaran
- Nunnally, J. C. & Bernstein. (1994). *Psychometric Theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Noel Jimbai & Zamri Mahamod. (2017). Penerimaan Guru-guru Bahasa Melayu Terhadap Bimbingan dan Pementoran SISC+. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Penyelidikan Pendidikan 2017*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Azlan Ahmad Zanzali & Lim Wee Mei (2011). Bimbingan oleh guru pembimbing kepada guru pelatih UTM. *Journal of Educational Psychology and Counseling 2011 (1)*: 59-76.
- Nor Asimah binti Zakaria. (2010). Keberkesanan bimbingan guru pembimbing terhadap latihan mengajar guru pelatih UPSI. *Proceeding of the 4th International Conference on teacher education: Join Conference UPI & UPSI, Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010*.
- Othman Mohamed. (2000). *Prinsip Psikoterapi dan Pengurusan dalam Kaunseling*. UPM, Serdang Selangor.
- Passmore, M. (2011). Coaching and mentoring-The role of experience and sector knowledge. *International Journal of Evidence Based Coaching & Mentoring, Summer* (Special Issue). 10-16.
- Robertson, J. (2008). *Coaching educational leadership*. London: Sage Publications Ltd.
- Saemah Rahman & Zamri Mohamod. (2016). *Kreativiti Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarabiah Jusoh & Zamri Mahamod. (2016). Tanggapan, Amalan dan Keberkesanan Bimbingan Pegawai SISC+ dari Perspektif Guru Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Kelima, UKM, Selangor*.

- Shaker Mustafa. (2012). *Mudahnya coaching & mentoring: Kaedah transformasi berkesan minda dan sikap insan cemerlang*. Inteam Publishing Sdn. Bhd.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and Teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*. 57(1):1-21.
- Tobias, L. L. (1996). Coaching executives. *Consulting Psychology Journal Practice and Research*. 48(2), 87-95.
- Whitmore, J. (2002). *Coaching For Performance, GROWing People, Performance and Purpose*. London: Nicholas Brealey Publishing.
- Wilson, C. (2011). *Best Practice in Performance Coaching: A Handbook for Leaders, Coaches, HR Professionals and Organizations*. London: Kogan Page Ltd.
- Yassin, S et al. (1998). *Persepsi Guru Pembimbing terhadap Peranan sebagai Mentor: Satu Tinjauan*. Maktab Perguruan Batu Lintang.